



KENYATAAN MEDIA

LAWATAN YAB PERDANA MENTERI KE INSTITUT KANSER NEGARA BAGI MENINJAU KESIAPSIAGAAN PELAKSANAAN PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

YAB Perdana Menteri Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin bin Hj Mohd Yassin telah mengadakan lawatan ke Institut Kanser Negara (IKN) petang ini bagi meninjau kesiapsiagaan fasiliti tersebut untuk melaksanakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan fasa pertama yang akan bermula pada 24 Februari 2021.

Untuk makluman, secara keseluruhannya terdapat 54 lokasi Pusat Simpanan Vaksin (PSV) dan 605 lokasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negara. IKN merupakan satu daripada 54 PSV tersebut dan berperanan membekalkan vaksin secara berjadual kepada empat (4) buah PPV di Putrajaya yang telah dikenal pasti.

Vaksin yang diterima oleh IKN adalah untuk kegunaan dalam fasa pertama pelaksanaan program imunisasi ini termasuklah anggota kesihatan dan bukan kesihatan yang melibatkan seramai 7,020 orang.

Vaksin Comirnaty® keluaran Pfizer-BioNTech, adalah sensitif terhadap suhu dan perlu disimpan dalam Penyejuk Beku Bersuhu Ultra-Rendah (*Ultra Low Temperature Freezer - ULTF*) dengan suhu -90°C sehingga -60°C bagi memastikan ia dapat berfungsi dengan optimum. Jangka hayat vaksin dalam penyejuk beku ini adalah enam (6) bulan daripada tarikh pengilangan.

Bagi tujuan pembekalan ke PPV, vaksin akan dipindahkan ke kotak sejuk (*cold box*) dengan suhu simpanan 2°C hingga 8°C dan dimasukkan ke dalam peti sejuk muatan atas, dengan suhu penyimpanan yang sama setelah tiba di PPV. Vaksin Comirnaty® yang disimpan pada suhu 2°C hingga 8°C mempunyai jangka hayat sehingga lima (5) hari atau bersamaan dengan 120 jam.

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan akan dilaksanakan dalam tiga (3) fasa yang dimulakan dengan Kumpulan Barisan Hadapan dan akan diikuti dengan Kumpulan Berisiko Tinggi serta Penduduk Malaysia berusia 18 tahun ke atas. Pendekatan Kerajaan adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya 80% penduduk dewasa Malaysia menerima vaksin menjelang Februari 2022 untuk mengurangkan penularan virus COVID-19.